

ORANG BESAR DAERAH DI SELANGOR, 1782-1857: PENERUSAN DAN PERUBAHAN

Ahmad Farhan Abdullah@Zakaria*

Abstrak

Orang besar daerah, salah sebuah jawatan terpenting, diaplikasikan dalam pentadbiran Selangor sejak diasaskan oleh Sultan Salehuddin, Sultan Selangor pertama, 1766-1782. Jawatan ini diteruskan oleh Sultan Ibrahim, Sultan Selangor kedua, 1782-1826, Sultan Muhammad, Sultan Selangor ketiga, 1826-1857, Sultan Abdul Samad, Sultan Selangor keempat, 1857-1898, sehingga dimansuhkan oleh British pada 1874. Jawatan ini memiliki perkembangan tersendiri khususnya era Sultan Ibrahim dan Sultan Muhammad. Namun kesan perkembangan jawatan orang besar daerah era Sultan Ibrahim dan Sultan Muhammad kurang diketengahkan oleh R. J. Wilkinson, L. D. Gammans, R. O. Winstedt, Khoo Kay Kim, Dianne Lewis dan J. M. Gullick dalam penerbitan masing-masing, berlakunya kekeliruan dan menimbulkan pelbagai persoalan. Oleh itu, kajian ini bertujuan mengupas bahawa sistem pentadbiran Selangor adalah bersistematik khususnya dengan terdapatnya jawatan orang besar daerah sebagai ketua dan nadi pembangunan di peringkat daerah era Sultan Ibrahim dan Sultan Muhammad. Objektif kajian ini ialah mengenal pasti sistem pentadbiran Selangor di bawah pentadbiran Sultan Ibrahim dan Sultan Muhammad; menganalisis perkembangan jawatan orang besar daerah era kedua-dua sultan ditetapkan; dan menilai sama ada tokoh penyandang posisi ini telah atau tidak membangunkan Selangor pada tempoh ditetapkan. Metodologi kajian ini menggunakan Reka Bentuk Penyelidikan Bawang Saunders yang memiliki enam lapis, antaranya kajian penyelidikan yang menggunakan kaedah penyelidikan tunggal kualitatif memberatkan instrumen dokumen berbanding temu bual dan pemerhatian. Secara keseluruhannya, jawatan orang besar daerah telah dibentuk secara rasmi di Selangor era Sultan Salehuddin dan diteruskan ketika pentadbiran Sultan Ibrahim dan Sultan Muhammad. Dengan terdapatnya jawatan ini, Selangor dapat dibangunkan dari aspek pentadbiran, ekonomi, sosial dan sosioekonomi pada setiap masa. Antara komoditi terpenting ketika pentadbiran Sultan Ibrahim dan Sultan Muhammad ialah bijih timah. Impak mendominasi perdagangan bijih timah di Tanah Melayu, Sultan Ibrahim berusaha menjajah beberapa kawasan di negeri Perak dan Negeri Sembilan pada konteks kini (2021). Namun keluasan tanah jajahan ketika pentadbiran Sultan Muhammad,

* Ahmad Farhan Abdullah@Zakaria merupakan calon Doktor Falsafah di Program Sejarah, Pusat Kajian Sejarah, Politik dan Hal Ehwal Antarabangsa (SPHEA), Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi, Selangor, Malaysia.

kerajaan Selangor kembali kepada sedia kala, seperti era Sultan Salehuddin. Implikasi kajian ini dapat memberikan fakta baharu bahawa jawatan orang besar daerah telah diaplikasikan di Selangor sejak diasaskan oleh Sultan Salehuddin. Melalui penambahan fakta ini, pengkaji pada masa hadapan sama ada akan atau tidak menyokong hasil dapatan dikemukakan dan menyediakan hasil kajian baharu berdasarkan sumber primer yang lebih relevan.

Kata Kunci: Orang Besar Daerah di Selangor, Pentadbiran Selangor, Sultan Selangor, Sultan Ibrahim Selangor dan Sultan Muhammad Selangor.

Pendahuluan

Selangor, salah sebuah Negeri-negeri Melayu, berdiri sebagai sebuah kerajaan baharu di alam Melayu, dibentuk oleh Raja Lumu, putera Daeng Chelak (1743-1766), bergelar Sultan Salehuddin, Sultan Selangor pertama, 1766-1782, pada 1766.¹ Walaupun berstatus sebagai sebuah kerajaan, tetapi ia bertaraf kecil, tidak besar dan luas seperti kerajaan Melaka (1262-1528) dan Johor (1528-1857) yang merangkumi lebih daripada lima buah jajahan di Tanah Melayu mahupun Kepulauan Melayu (Sumatera dan Kepulauan Riau-Lingga). Namun impak kedatangan dan penjajahan British ke atas Selangor, mengubah status entiti politik kerajaan kepada negeri Selangor, di bawah pentadbiran Negeri-negeri Melayu Lindungan British (1874-1895), dan diteruskan dalam Negeri-negeri Melayu Bersekutu (1895-1942), Pentadbiran Tentera Jepun (1942-1945), Pentadbiran Tentera British (1945-1946), *Malayan Union* (1946-1948), Persekutuan Tanah Melayu (1948-1963) dan kekal hingga kini (2021) dalam Malaysia (1963-2021). Dengan berpaksikan Melaka dan Johor sebagai asas sesebuah kerajaan, Selangor memiliki dua pendekatan pentadbiran iaitu kerajaan meliputi peringkat pusat ditadbir oleh sultan, daerah ditadbir oleh orang besar daerah, mukim ditadbir oleh penghulu dan kampung ditadbir oleh ketua kampung atau Dato' Empat; dan istana merangkumi sultan, Raja Bergelar Selangor dan Orang Besar Selangor. Dalam konteks kajian ini, memfokus kepada pendekatan pentadbiran kerajaan iaitu jawatan orang besar daerah sebagai ketua di peringkat daerah yang terdapat di Selangor era Sultan Ibrahim, putera Sultan Salehuddin dan Sultan Selangor kedua, 1782-1826, dan Sultan Muhammad, putera Sultan Ibrahim dan Sultan Selangor ketiga, 1826-1857. Tidak dinafikan, Sultan Salehuddin, tokoh pengasas membentuk jawatan orang besar daerah di Selangor dan dikurniakan kepada anak-anak raja Selangor yang dekat dengan baginda pada 1766. Jawatan orang besar daerah memiliki peranan tersendiri merangkumi lima kategori iaitu sebagai pentadbir, pembangun, penjaga kebajikan rakyat, anggota mesyuarat dan wakil rasmi penduduk daerah. Ketika pentadbiran Sultan Ibrahim pada

1 Barbara Watson Andaya, "The Installation of the First Sultan of Selangor in 1766", *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, Vol. 47, No. 1 (225), 1974, hlm. 53-57, Abdullah Zakaria bin Ghazali, "Kesultanan", Abdullah Zakaria Ghazali (editor), *Sejarah Negeri Selangor: Dari Zaman Prasejarah hingga Kemerdekaan*, Shah Alam: Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Selangor, 2005, hlm. 96-97, Colonail Office (CO) 439/1, The Administration Report of the Selangor for the Year 1889 dan CO 717/117/12, Memorial Presented on Behalf of His Highness Tungku Badar Shah, Tungku Panglima Besar of Selangor, Concerning His Right and Claim to be Appointed Raja Muda of Selangor.

1782-1826, jawatan orang besar daerah semakin berkembang, tetapi kesan perselisihan faham dengan Perak, Kedah, Ligor dan kerajaan Rattanokasin (1782-1932), menjadi tidak seragam pada abad ke-19. Namun ketika pentadbiran Sultan Muhammad pada 1826-1857 pula, impak tidak memiliki perselisihan faham seperti era ayahandanya, jawatan orang besar daerah dapat diseragamkan dengan baik. Kesan tindakan Sultan Muhammad terhadap jawatan orang besar daerah di Selangor, ia diaplikasikan dengan baik ketika diterajui oleh Sultan Abdul Samad, putera Raja Abdullah dan Sultan Selangor keempat, 1857-1898, sehingga dimansuhkan oleh British pada 1 Oktober 1874 berkuat kuasa 20 Januari 1875.

Selangor, salah sebuah entiti politik di Pantai Barat Semenanjung Tanah Melayu, merupakan sebuah kerajaan bersistematik meliputi sistem pentadbiran yang teratur, memiliki dua pendekatan iaitu kerajaan dan istana dan mempunyai persempadanan ditetapkan. Selangor juga memiliki ketokohan sultan yang berkaliber, berpandangan jauh dan semangat kepahlawanan yang tinggi bagi menjaga tanah air tercinta agar dapat dibangunkan pada setiap masa dan terhindar daripada ancaman pihak musuh yang cemburu dan rakus untuk mendapatkan bahan komoditi terpenting iaitu bijih timah. Sultan Salehuddin, dengan memperkenalkan jawatan orang besar daerah di Selangor, menunjukkan bahawa sistem pentadbiran di Selangor bersistematik. Dengan terdapatnya jawatan orang besar daerah, sesebuah entiti politik itu secara rasmi berstatus sebagai sebuah daerah. Seseorang tokoh penyandang jawatan orang besar daerah diwajibkan menjalankan peranan dengan menggunakan lima kategori iaitu sebagai pentadbir, pembangun, penjaga kebajikan rakyat, anggota mesyuarat dan wakil rasmi penduduk daerah. Sekiranya ketokohan orang besar daerah yang bertanggungjawab, sesebuah daerah dapat dibangunkan dari segi pentadbiran, ekonomi, sosial dan sosioekonomi pada setiap masa. Kesan pentadbiran orang besar daerah, Selangor dapat dibangunkan dengan baik ketika di bawah pentadbiran Sultan Ibrahim dan Sultan Muhammad. Walaupun Selangor memiliki pentadbiran yang bersistematik khususnya jawatan orang besar daerah di peringkat daerah dibentuk sejak Sultan Salehuddin pada 1766, namun R. J. Wilkinson, L. D. Gammans, R. O. Winstedt, Khoo Kay Kim, Dianne Lewis dan J. M. Gullick kurang memberikan pandangan mengenai hal tersebut.² Kesan kekurangan penulisan terhadap pentadbiran Selangor yang bersistematik khususnya jawatan orang besar daerah, hal ini tidak diketahui dengan jelas, berada di tahap “kabur” dan menjadi kekeliruan kepada pengkaji kini yang sering merujuk dan menulis fakta sama ditetapkan oleh pengkaji-pengkaji terdahulu. Oleh itu, bagi membentuk satu perspektif baharu, kajian ini bertujuan mengupas bahawa sistem pentadbiran Selangor adalah bersistematik khususnya dengan terdapatnya jawatan orang besar daerah sebagai ketua dan nadi pembangunan di peringkat daerah era Sultan Ibrahim dan Sultan Muhammad. Dengan menggunakan falsafah epistemologi sebagai asas, dua persoalan ditimbulkan

2 R. J. Wilkinson, *Papers on Malay Subject. History, Part I. Events Prior to British Ascendancy. Part II. Notes on Perak History*, Kuala Lumpur: J. R. Wallace, 1924, hlm. 55, L. D. Gammans, “The State of Lukut”, *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic*, Singapore: The Malayan Branch of the Royal Asiatic Society, Vol. 2, No. 3, December 1924, hlm. 291, R. O. Winstedt, “A History of Selangor”, *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society*, Singapore: The Malayan Branch of the Royal Asiatic Society, Vol. 12, No. 3 (120), Oktober 1934, hlm. 16, Khoo Kay Kim, *Negeri-Negeri Pantai Barat 1850-1873: Kesan Perkembangan Dagangan terhadap Politik Melayu*, Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., 1984, hlm. 42-43, Dianne Lewis, *Jan Compagnie in the Straits of Malacca 1641-1795*, Athens: Ohio University Center for International Studies, 1995, hlm. 95 dan J. M. Gullick, *A History of Selangor (1766-1939)*, Kuala Lumpur: The Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society, 1998, hlm. 35.

iaitu bagaimanakah perkembangan pentadbiran Selangor khususnya jawatan orang besar daerah berlaku ketika pentadbiran Sultan Ibrahim dan Sultan Muhammad dan mengapakah perkembangan ini penting dalam konteks lipatan sejarah Selangor.

Bagi menjawab permasalahan kajian dikemukakan dengan tepat, sebanyak tiga objektif diutarakan iaitu mengenal pasti sistem pentadbiran Selangor ketika di bawah pentadbiran Sultan Ibrahim dan Sultan Muhammad. Walaupun difokuskan kepada pentadbiran Sultan Ibrahim dan Sultan Muhammad, namun ketika pentadbiran Sultan Salehuddin turut ditumpukan sebagai “Bapa Pengasasan Kesultanan Selangor” yang membentuk jawatan orang besar daerah di Selangor dan epilog terhadap pentadbiran Sultan Abdul Samad sehingga dimansuhkan oleh British pada 1874. Objektif kedua pula, menganalisis perkembangan jawatan orang besar daerah di Selangor ketika di bawah pentadbiran Sultan Ibrahim dan Sultan Muhammad. Tidak dinafikan, jawatan orang besar daerah dibentuk di bawah pentadbiran Sultan Salehuddin, namun ia semakin berkembang ketika di bawah pentadbiran Sultan Ibrahim, manakala diseragamkan pula, ketika diterajui oleh Sultan Muhammad dan diteruskan oleh Sultan Abdul Samad sehingga dimansuhkan oleh British pada 1874. Yang terakhir, menilai sama ada tokoh penyandang posisi ini telah atau tidak membangunkan Selangor pada tempoh ditetapkan. Dengan terdapatnya jawatan orang besar daerah, Selangor dapat dibangunkan dari aspek pentadbiran, ekonomi, sosial dan sosioekonomi sepanjang pentadbiran Sultan Ibrahim dan Sultan Muhammad atau sebaliknya. Ketiga-tiga objektif dikemukakan berkait rapat antara satu sama lain dan sesuai untuk menjawab permasalahan kajian ditetapkan.

Penulisan mengenai Selangor sebelum kedatangan British pada 1874, tidak dapat dipertikaikan, banyak diterbitkan oleh pengkaji-pengkaji bertaraf autoriti. Bagi membandingkan kajian ini dengan terdahulu, sebanyak tiga tema dibentuk iaitu pentadbiran Selangor secara umum, dikaji oleh Wilkinson, Winstedt, Khoo dan Gullick, masing-masing berpendapat bahawa Selangor memiliki pentadbiran yang bercelaru ketika pentadbiran Sultan Ibrahim dan lemah di bawah pentadbiran Sultan Muhammad.³ Selain itu, masing-masing menonjolkan bahawa pentadbiran Selangor tidak bersistematik, tetapi berjaya mengusahakan perdagangan bijih timah dengan British dan Negeri-negeri Melayu di sekelilingnya seperti Perak, Sungai Ujong, Rembau dan Pahang.⁴ Tema kedua, jawatan orang besar daerah ketika pentadbiran Sultan Ibrahim, tidak dinafikan, Wilkinson, Gammans, Winstedt, Khoo, Lewis dan Gullick memberikan pandangan bernas terhadap isu-isu seperti perdagangan komoditi bijih timah dan perselisihan faham dengan Perak, Kedah, Ligor dan kerajaan Rattanakosin, tetapi kurang menonjolkan hal ehwal pentadbiran Selangor khususnya jawatan orang besar daerah yang memperkembangkan tanah jajahan dan ekonomi pada tempoh tersebut.⁵ Selain itu, tidak dinyatakan siapakah tokoh penyandang jawatan orang besar daerah di Selangor ketika diterajui oleh Sultan Ibrahim.⁶ Begitu juga dengan keberadaan Raja Hassan, putera

3 R. J. Wilkinson, *Papers on Malay Subject. History, Part I. Events Prior to British Ascendancy. Part II. Notes on Perak History*, hlm. 55, R. O. Winstedt, “A History of Selangor”, *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society*, hlm. 16, Khoo Kay Kim, *Negeri-Negeri Pantai Barat 1850-1873: Kesan Perkembangan Dagangan terhadap Politik Melayu*, hlm. 42-43 dan J. M. Gullick, *A History of Selangor (1766-1939)*, hlm. 35.

4 Ibid, L. D. Gammans, “The State of Lukut”, *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic*, hlm. 291 dan Dianne Lewis, *Jan Compagnie in the Straits of Malacca 1641-1795*, hlm. 95.

5 Ibid.

6 Ibid.

Raja Nala, tidak dianalisis dan disintesis dengan teliti, menimbulkan kecelaruan kepada pengkaji masa kini.⁷ Yang terakhir, jawatan orang besar daerah ketika di bawah pentadbiran Sultan Muhammad, Wilkinson dan Winstedt sebagai tokoh pelopor yang memberikan idea bahawa baginda merupakan sultan yang lemah dalam sejarah Selangor, diteruskan oleh Sultan Abdul Samad.⁸ Idea Wilkinson dan Winstedt, kurang dianalisis dan disintesis dengan baik, digunakan oleh pengkaji-pengkaji seterusnya seperti Gammans, Khoo, Lewis dan Gullick.⁹ Kesan idea Wilkinson dan Winstedt dan diteruskan oleh pengkaji lain, Sultan Muhammad dinilai sebagai Sultan Selangor yang lemah dan memiliki pentadbiran yang tidak kukuh.¹⁰ Selain itu, masing-masing menyatakan bahawa keberadaan jawatan orang besar daerah di bawah pentadbiran Sultan Muhammad, menunjukkan baginda tidak memiliki kuasa mutlak ke atas tanah jajahan di Selangor.¹¹ Berdasarkan ketiga-tiga tema dikemukakan, tidak menjadi kesalahan kepada pengkaji-pengkaji tersebut dalam menyampaikan pandangan masing-masing yang menggunakan sumber primer dan sekunder yang meluas. Namun pandangan tersebut boleh dipersoalkan dan diluruskan agar fakta sejarah Selangor menjadi lebih tepat dan relevan berbanding sebelumnya. Oleh itu, berdasarkan permasalahan kajian, objektif kajian dan kajian lepas yang dikupas, bertujuan mendapatkan jawapan yang jitu dan dapat memberikan pandangan baharu dan berbeza dengan pengkaji-pengkaji terdahulu.

Metodologi kajian ini menggunakan Reka Bentuk Penyelidikan Bawang Saunders yang memiliki enam lapis terdiri daripada falsafah kajian, pendekatan kajian, strategi kajian, pilihan kajian, ufuk masa kajian dan teknik dan prosedur. Falsafah kajian digunakan ialah falsafah epistemologi, mempersoalkan “bagaimana” dan “mengapa” dalam sesuatu kajian iaitu bagaimanakah perkembangan pentadbiran Selangor khususnya jawatan orang besar daerah berlaku ketika pentadbiran Sultan Ibrahim dan Sultan Muhammad dan mengapakah perkembangan ini penting dalam konteks lipatan sejarah Selangor dari abad ke-18 sehingga ke-19. Pendekatan kajian digunakan ialah induktif, mencipta satu generalisasi baharu yang utuh, berdasarkan permasalahan kajian, objektif kajian dan kajian lepas dikemukakan, iaitu menunjukkan bahawa sistem pentadbiran Selangor adalah bersistematik khususnya dengan terdapatnya jawatan orang besar daerah sebagai ketua dan nadi pembangunan di peringkat daerah era Sultan Ibrahim dan Sultan Muhammad. Strategi kajian digunakan ialah kajian kes ke atas jawatan orang besar daerah dalam pentadbiran Sultan Ibrahim dan Sultan Muhammad. Pilihan kajian ialah kaedah penyelidikan tunggal kualitatif, dengan menggunakan triangulasi memberatkan instrumen dokumen berbanding instrumen kedua dan ketiga iaitu temu bual dan pemerhatian. Ufuk masa kajian ialah menggunakan berpanjangan rentasan, berlandaskan tempoh kajian hampir selama 75 tahun, tidak dinafikan, memerlukan penyelidikan yang mengambil masa lebih daripada beberapa bulan bagi mendapatkan jawapan tepat. Teknik dan prosedur, dibahagikan kepada dua bahagian iaitu teknik lebih ke arah pengumpulan data, dengan menggunakan triangulasi melalui instrumen seperti dokumen yang didapatkan di Arkib Negara Malaysia (Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (B/SUK)), *the National Archives of United Kingdom* (Colonial Office (CO) 273, 439, 717 dan 882), *British Library*

7 Ibid.

8 Ibid.

9 Ibid.

10 Ibid.

11 Ibid.

(India Office Record-Straits Settlement Record (SSR), *School of Oriental and African Studies Library* (Salasilah Raja-Raja Selangor). Arkib Negara Singapura (SSR) dan *National Library Board Singapore* (surat khabar secara dalam talian); temu bual yang diperoleh daripada keturunan kerabat raja Selangor dan orang besar Selangor; dan pemerhatian yang memfokus kepada kawasan-kawasan melibatkan pensejarahan ini seperti memerhati kawasan istana yang berada di mukim Kuala Selangor, daerah Kuala Selangor, Selangor Darul Ehsan, kubukubu yang dibina di mukim Kuala Selangor, Pulau Pangkor, daerah Manjung, Perak Darul Ridzuan, dan Nakhon Si Thammarat, Thailand, dan sungai-sungai yang dijadikan kemudahan pengangkutan awam dan “*highway*” utama iaitu di sekitar Sungai Bernam, Sungai Selangor, Sungai Klang, Sungai Langat, Sungai Sepang, Sungai Lukut, Sungai Linggi, Sungai Udang, Sungai Nakhon Si Thammarat, Sungai Perak dan Sungai Bidor. Bahagian kedua, prosedur, dengan mendapatkan data-data melalui ketiga-tiga instrumen ditentukan, dianalisis dan disintesis ke atas subtopik-subtopik ditetapkan berdasarkan permasalahan kajian, objektif kajian dan kajian lepas dikemukakan bagi mencapai jawapan yang tepat dan relevan.

Kajian mengenai sejarah orang besar daerah ketika pentadbiran Sultan Ibrahim dan Sultan Muhammad adalah penting dan perlu ditonjolkan sama ada dalam dunia akademik atau bukan akademik agar dapat mengetahui bahawa pentadbiran Selangor bersistematik dengan terdapatnya jawatan sebagai ketua daerah yang memperkembangkan dari aspek pentadbiran, ekonomi, sosial dan sosioekonomi pada setiap masa. Bagi mencapai perkara tersebut, kajian ini dibahagikan kepada dua seksyen iaitu mengupas mengenai pembentukan jawatan orang besar daerah ketika pentadbiran Sultan Salehuddin dari 1766-1782. Dalam seksyen ini, kupasan difokuskan kepada pengasasan kesultanan Selangor dan pendekatan pentadbiran kerajaan serta istana yang diberi keutamaan kepada jawatan orang besar daerah era Sultan Salehuddin. Selain itu, mengupas mukim-mukim yang berada di bawah orang besar daerah era Sultan Salehuddin. Seksyen kedua pula, dibahagikan kepada dua bahagian iaitu mengupas mengenai perkembangan jawatan orang besar daerah ketika pentadbiran Sultan Ibrahim. Dalam bahagian ini, kupasan ditumpukan kepada bagaimana dan mengapakah perkembangan orang besar daerah berlaku era Sultan Ibrahim. Ketika pentadbiran Sultan Ibrahim pada 1782-1826, Selangor memiliki tanah jajahan yang paling luas berbanding era Sultan Salehuddin, Sultan Muhammad, Sultan Abdul Samad dan termasuk Sultan Selangor yang kini (2001-2021), Sultan Sharafuddin Idris Shah al-Haj, putera Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah al-Haj. Tidak dilupakan turut mengupas mukim-mukim yang berada di bawah orang besar daerah era Sultan Ibrahim. Bahagian kedua, mengupas mengenai perkembangan jawatan orang besar daerah ketika pentadbiran Sultan Muhammad. Dalam bahagian ini, kupasannya sama seperti era Sultan Ibrahim, namun era Sultan Muhammad berlakunya penguncupan tanah jajahan di Selangor. Selain itu, memberi epilog terhadap perkembangan jawatan orang besar daerah di Selangor era Sultan Abdul Samad bagi menunjukkan bahawa sistem ini berjalan dengan lancar sehingga dimansuhkan akibat penjajahan British pada 1874.

Era Sultan Salehuddin

Sultan Salehuddin, Bapa Pengasasan Kesultanan Selangor, memiliki persempadanan kerajaan Selangor yang luas antara Perak melalui Sungai Bernam; Pahang melalui Genting Bidai; Jelebu melalui Genting Rimpun; dan Sungai Ujong melalui Bukit Sepam, Bukit Permatang Pasir

dan Sungai Udang.¹² Sultan Salehuddin, bagi memantapkan kedudukan Selangor di Tanah Melayu, memperkenalkan pendekatan pentadbiran kerajaan merangkumi empat peringkat terdiri daripada kerajaan, daerah, mukim dan kampung (Rajah 1). Peringkat kerajaan, berada di kedudukan tertinggi, diketuai oleh sultan, berfungsi sebagai ketua di seluruh tanah jajahan di Selangor.¹³ Berdasarkan fungsi ini, menunjukkan bahawa sultan mempunyai kuasa mutlak dalam pentadbiran di seluruh tanah jajahan walaupun terdapat jawatan-jawatan lain sebagai kaki tangan kerajaan di peringkat daerah, mukim dan kampung, mempunyai kuasa masing-masing dititahkan oleh baginda. Dari segi ekonomi, sultan, selaku ketua kerajaan, tidak dapat dipertikaikan, memperoleh sekitar 1/3 hasil daripada perusahaan yang dilaksanakan oleh orang besar daerah dan penghulu. Sekiranya seseorang daripada jawatan tersebut tidak berbuat demikian, ia merupakan satu kesalahan dan perlu dilucutkan dengan kadar segera. Sultan berhak berbuat demikian, seorang yang memiliki kedudukan tertinggi dalam kerajaan dan mengurniakan jawatan-jawatan tersebut kepada tokoh-tokoh bersesuaian dari pandangan mata baginda. Tindakan baginda ini tidak dapat dinafikan atau dipertikaikan oleh kerabat raja, orang besar, kebanyakan dan penduduk tempatan di Selangor. Sekiranya dinafikan dan dipertikaikan, seseorang itu dianggap menderhaka kepada baginda sultan.

Rajah 1: Peringkat Pendekatan Pentadbiran Kerajaan Selangor, 1766-1857



Sumber: Ahmad Farhan bin Abdullah@Zakaria, “Menyelusuri Jawatan Raja Bergelar dan Orang Besar Selangor dalam Pentadbiran Raja Selangor, 1766-1942”, *Purba*, Kuala Lumpur: Persatuan Muzium Malaysia d/a Jabatan Muzium Malaysia, Bilangan 32, 2013, hlm. 60-61.

Orang besar daerah pula berada di peringkat daerah, kedua tertinggi dalam pentadbiran Selangor (Rajah 2). Sultan Salehuddin, tokoh yang berhasrat kerajaan Selangor menjadi kukuh dan tidak “jatuh”, memperkenalkan jawatan orang besar daerah pada 1766.¹⁴

-
- 12 Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (B/SUK) 100/83, Statement of Toh Klang, 1883, B/SUK SEL: SEC: 3027/1922/1A, Mohamed Tahir kepada Ketua Setiausaha kepada Kerajaan, 28 Julai 1922, B/SUK Sel. Sec. General 672/1936/1, Ruayat Dato’ Engku Klang (Selangor). Salah-silah dan Kediamannya oleh To’ Ungku Samsudin, Tanpa Tarikh, dan *Straits Times*, Selangor and the Negri Sembilan, 28 December 1934, hlm. 10.
- 13 CO 882/2/16/Inclosure 3 in No. 84, Continuation of Report on the Proceedings of Government Relating to the Native States in the Malay Peninsula dan Temu Bual Dato’ Haji Aman Shah bin Dato’ Mohd Shahar, Orang Kaya Maha Bijaya Hulu Selangor, Orang Besar Daerah Hulu Selangor, dan Keturunan Dato’ Penghulu Hulu Selangor, di Kediannya, Kuala Kubu Bharu, Hulu Selangor, pada 24 November 2013.
- 14 Ahmad Farhan bin Abdullah@Zakaria, “Menyelusuri Jawatan Raja Bergelar dan Orang Besar Selangor dalam Pentadbiran Raja Selangor, 1766-1942”, *Purba*, Kuala Lumpur: Persatuan Muzium Malaysia d/a Jabatan Muzium Malaysia, Bilangan 32, 2013, hlm. 60-61.

ORANG BESAR DAERAH DI SELANGOR,
1782-1857: PENERUSAN DAN PERUBAHAN

Jawatan ini dikurniakan kepada kerabat raja Selangor yang dekat dan kerabat raja selain Selangor yang mempunyai hubungan melalui perkahwinan. Jawatan ini berfungsi sebagai “orang kanan” atau “pegawai tadbir daerah” baginda sultan dengan menggunakan lembangan sungai utama sebagai persempadanan jajahan berperanan dalam mentadbir, membangunkan, menjaga kebajikan, menganggotai mesyuarat dan wakil rasmi penduduk daerah (Gambar 1). Dengan terdapatnya jawatan orang besar daerah dikurniakan oleh baginda sultan, status sesebuah entiti politik diiktiraf sebagai daerah. Sekiranya tiada tokoh yang memainkan peranan sebagai orang besar daerah, sesebuah daerah itu dipangku oleh tokoh berdekatan dengan daerah tadbirnya atau dimansuhkan serta merta. Keberadaan jawatan orang besar daerah ini menunjukkan ia penting diaplikasikan dalam pentadbiran agar dapat membantu baginda sultan dan membangunkan Selangor dari aspek pentadbiran, ekonomi, sosial dan sosioekonomi pada setiap masa. Jawatan ini berkembang secara bertahap dan menjadi semakin kukuh ketika pentadbiran Sultan Abdul Samad sehingga dimansuhkan oleh penjajah British pada 1874.

Rajah 2: Perkembangan Daerah di Selangor, 1766-1857

Sultan Salehuddin	Sultan Ibrahim	Sultan Muhammad	Sultan Abdul Samad
● Klang (1766)	● Klang	● Klang	● Klang
● Selangor (1766)	● Selangor (1782-1788)	● Bernam	● Bernam
	● Simpang (1790-an-1790-an)	● Selangor (1826)	● Selangor
	● Lukut (1810-an-1817)	● Langat (1826)	● Langat
	● Dinding (1810-an-1819)	● Lukut (1826)	● Lukut
	● Bernam (1817)	● Sepang (1834/1835)	● Sepang
	● Bidor (1819-1826)		● Sungai Raya (1859)

Sumber: *Singapore Chronicle and Commercial Register*, Part 2nd, Anderson’s Malayan Peninsula, 9 April 1836, hlm. 3, *Straits Times*, Lukut and Sunghie Ujong, 27 July 1878, hlm. 1-2 dan hlm. 62, Ahmad Farhan bin Abdullah@Zakaria, “Menyelusuri Jawatan Raja Bergelar dan Orang Besar Selangor dalam Pentadbiran Raja Selangor, 1766-1942”, *Purba*, hlm. 81-83 dan Ahmad Farhan bin Abdullah@Zakaria, “Perspektif Baharu Sejarah Lukut: Status Entiti Politik dan Orang Besar Daerah”, *Purba*, Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia d/a Jabatan Muzium Malaysia, Bilangan 39, 2020, hlm. 62.

Gambar 1: Perkembangan Daerah dan Tanah Jajahan Selangor



Sumber: Ahmad Farhan Abdullah Zakaria & Mohd. Samsudin, “Pembentukan Istilah dan Stratifikasi Aristokrat Melayu Selangor Era Sultan Salehuddin, Sultan Selangor Pertama, 1766-1782”, *Akademika*, hlm. 73.

Ketika pentadbiran Sultan Salehuddin, baginda memiliki dua putera yang diharapkan dan dibanggakan, Raja Ibrahim, putera sulung dengan Engku Puan, puteri Daeng Marewah, dikurniakan sebagai Orang Besar Daerah Klang, merangkumi Sungai Klang hingga Sungai

Udang, sehingga dilantik sebagai Sultan Selangor kedua pada 1782.¹⁵ Manakala putera kedua juga dengan Engku Puan, Raja Nala, dikurniakan sebagai Orang Besar Daerah Selangor, meliputi Sungai Klang sehingga Sungai Bernam, sehingga mangkat di Aceh pada 1788. Pelantikan kedua-dua tokoh ini sebagai orang besar daerah mempunyai kepentingan dalam pentadbiran Selangor, bukan tidak mempunyai fungsi tertentu, tetapi bertujuan mengetuai lembangan-lembangan sungai di samping membangunkan entiti-entiti tersebut dari aspek pentadbiran, ekonomi, sosial dan sosioekonomi pada setiap masa. Sekiranya dikaji dengan teliti, adakah Raja Ibrahim dan Raja Nala dapat diiktiraf sebagai orang besar daerah walaupun dalam lipatan sejarah Selangor, jawatan ini sering dicatatkan ketika pentadbiran Sultan Muhammad? Disebabkan Sultan Salehuddin berhasrat memperkukuhkan pentadbiran Selangor pada tahap permulaan, Raja Ibrahim dan Raja Nala, tidak dinafikan, diiktirafkan sebagai Orang Besar Daerah Klang dan Orang Besar Daerah Selangor, bertujuan membantu ayahandanya dalam membangunkan Selangor melibatkan perdagangan komoditi bijih timah, hubungan diplomatik antara Selangor dengan kerajaan-kerajaan lain sama ada di Tanah Melayu atau Sumatera dan melantik tokoh-tokoh sesuai untuk berkhidmat dalam institusi penghulu dan ketua kampung. Oleh itu, Raja Ibrahim dan Raja Nala sesuai diiktiraf sebagai Orang Besar Daerah Klang dan Orang Besar Daerah Selangor ketika pentadbiran Sultan Salehuddin dan jawatan ini berkembang dengan bersistematik sehingga dimansuhkan oleh British pada 1874.

Di peringkat ketiga, institusi penghulu, berfungsi sebagai ketua mukim yang dikurniakan oleh baginda sultan atau ditetapkan oleh orang besar daerah (Rajah 3). Sultan Salehuddin, bagi memantapkan pentadbiran agar menjadi bersistematik, memperkenalkan jawatan penghulu pada 1766.¹⁶ Majoriti jawatan ini diisikan oleh kerabat orang besar Selangor dan anak negeri Selangor ketika pentadbiran Sultan Salehuddin dan Sultan Ibrahim. Namun ketika pentadbiran Sultan Muhammad dan Sultan Abdul Samad, terdapat manusia yang berhijrah dari Johor, Pahang, Rembau, Sungai Ujong dan Sumatera dilantik sebagai penghulu bagi mengetuai mukim yang dibanjiri oleh kaum etnik masing-masing. Jawatan ini memiliki kepentingan, bukan dibentuk semata-mata sekadar jawatan yang perlu diisikan dalam pentadbiran Selangor, mempunyai peranan yang dibahagikan sama seperti orang besar daerah iaitu sebagai pentadbir, pembangun, penjaga kebajikan, anggota mesyuarat dan wakil rasmi penduduk mukim. Dengan terdapatnya penghulu, status sesebuah kawasan diiktiraf secara rasmi sebagai mukim. Sekiranya tiada tokoh penyandang jawatan ini, halnya sama seperti orang besar daerah, dipangku oleh penghulu berdekatan dengan mukim tersebut atau dimansuhkan dengan kadar segera.

Ketika pentadbiran Sultan Salehuddin pada 1766-1782, agar dapat memperkukuhkan pentadbiran di samping membangunkan kawasan “kosong”, mengurniakan jawatan penghulu dalam daerah Klang kepada Dato’ Kecil bergelar Dato’ Kaya sebagai Penghulu Mukim Klang merangkap Ketua Penghulu Lembangan Hilir Sungai Klang dan Hilir Sungai Langat; Dato’


15 Dianne Lewis, *Jan Compagnie in the Straits of Malacca 1641-1795*, hlm. 95 dan Ahmad Farhan bin Abdullah@Zakaria, “Menyelusuri Jawatan Raja Bergelar dan Orang Besar Selangor dalam Pentadbiran Raja Selangor, 1766-1942”, *Purba*, hlm. 61.

16 Ahmad Farhan bin Abdullah@Zakaria, “Masyarakat Melayu di Selangor, 1766-1898: Pentadbiran, Ekonomi dan Sosial”, *Polimek Sejarah Malaysia Jilid 4*, Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia, 2020, hlm. 237 dan Temu Bual Profesor Madya Tengku Dato’ Dr. Jamaluddin bin Tengku Mahmud Shah, *Keturunan Sultan Alae’uddin Sulaiman Shah, dan Orang Kaya Maha Bijaya Sepang, Orang Besar Daerah Sepang*, di Bilik Orang Besar Daerah Sepang, Pejabat Daerah/Tanah Sepang pada 6 Februari 2014.

Naga Mengulur bergelar Dato' Ungku sebagai Penghulu Mukim Petaling merangkap Ketua Penghulu Lembangan Hulu Sungai Klang dan Hulu Sungai Langat; tidak diketahui namanya, tetapi bergelar Dato' Peggawa sebagai Penghulu Mukim Lumpur; Dato' Bongkah sebagai Penghulu Mukim Hulu Langat; dan Dato' Maujud sebagai Penghulu Mukim Lukut.¹⁷ Sultan Salehuddin turut mengurniakan jawatan penghulu dalam daerah Selangor kepada Dato' Pina Pindang bergelar Dato' Peggawa Tua sebagai Penghulu Mukim Permatang merangkap Ketua Penghulu Lembangan Hilir Sungai Selangor dan Hilir Sungai Bernam; Dato' Asau sebagai Penghulu Mukim Jeram Batu 20; dan Dato' Daeng Pendalang bergelar Dato' Penghulu sebagai Penghulu Mukim Hulu Selangor merangkap Ketua Penghulu Lembangan Hulu Sungai Selangor dan Hulu Sungai Bernam.¹⁸ Kesemua penghulu ini memiliki peranan sama dengan jawatan orang besar daerah ditetapkan dan membantu antara satu sama lain agar dapat membangunkan dari aspek pentadbiran, ekonomi, sosial dan sosioekonomi pada setiap masa.

Rajah 3: Perkembangan Mukim di Selangor, 1766-1857

Daerah Klang




17 Ahmad Farhan bin Abdullah@Zakaria, "Masyarakat Melayu di Selangor, 1766-1898: Pentadbiran, Ekonomi dan Sosial", *Polimek Sejarah Malaysia Jilid 4*, hlm. 239-240, 244 dan 247.


18 Ibid., hlm. 248 dan 252 dan RosiSwandy bin Mohd. Salleh, *Sejarah Lukut: Kegemilangan Sebuah Pemerintahan Melayu Abad ke-19*, Kuala Lumpur: Jabatan Muzium Malaysia, 2019, hlm. 51-52.

ORANG BESAR DAERAH DI SELANGOR,
1782-1857: PENERUSAN DAN PERUBAHAN

Daerah Selangor



Daerah Langat



Sumber: Ahmad Farhan bin Abdullah@Zakaria, “Masyarakat Melayu di Selangor, 1766-1898: Pentadbiran, Ekonomi dan Sosial”, *Polimek Sejarah Malaysia Jilid 4*, Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia, 2020, hlm. 239-255 dan Rosiswandy bin Mohd. Salleh, *Sejarah Lukut: Kegemilangan Sebuah Pemerintahan Melayu Abad ke-19*, Kuala Lumpur: Jabatan Muzium Malaysia, 2019, hlm. 51-52.

Orang Besar Daerah Ketika Pentadbiran Sultan Ibrahim

Ketika pentadbiran Sultan Ibrahim pada 1782-1826, jawatan orang besar daerah mengalami “kembang kuncup” akibat perselisihan faham dengan kerajaan Perak dan Rattanakosin melalui “orang kanan” terdiri daripada Ligor, berstatus *Chao Phraya* bermaksud Gabenor Jeneral serta berada di kedudukan kelas kedua dalam pentadbiran, dan Kedah, tidak dinafikan, turut pernah berstatus *Chao Phraya* pada 1818-1821.¹⁹ Tidak dapat dipertikaikan, hanya terdapat dua daerah di Selangor iaitu Selangor dan Klang yang masing-masing ditadbir oleh Raja Nala dan Sultan Ibrahim. Majoriti putera-putera Selangor pada tempoh ini masih di peringkat remaja, tetapi Raja Abdul Rahman, salah seorang putera Raja Nala dengan Raja Salama, puteri

19 Tej Bunnag, *The Provincial Administration of Siam 1892-1915*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1977, hlm. 7, R. Bonney, *Kedah 1771-1821: The Search for Security and Independence*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1971, hlm. 155-158 dan 163, Kobkua Suwannathat-Pian, *Thai-Malay Relations: Traditional Intra-Regional Relations from the Seventeenth to the Early Twentieth Centuries*, Singapore: Oxford University Press, 1988, hlm. 80-82 dan Mohamad Isa Othman, *Politik Tradisional Kedah 1681-1942*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1990, hlm. 28.

Raja Haji, dikurniakan oleh Sultan Ibrahim sebagai Orang Besar Daerah Simpang sekitar pertengahan 1790-an, kawasan perlombongan bijih timah berdekatan dengan kerajaan Sungai Ujong.²⁰ Namun petempatan tersebut, menghadapi perselisihan faham dengan Dato' Leha, Dato' Kelana Petra Sri Jaya Sungai Ujong kedua, 1780-1800, mendapatkan bantuan Belanda, berjaya mengusir Raja Abdul Rahman pada akhir 1790-an.²¹ Kesan Sultan Ahmaddin Syah, Sultan Perak ke-18, 1786-1806, melanggar perjanjian perdagangan bijih timah, Sultan Ibrahim menyerang dan menguasai Perak pada 1804 dan 1805 kecuali kawasan Rantau Panjang, pusat pentadbiran kerajaan Perak baharu.²² Sultan Abdul Malik Mansur Syah, Sultan Perak ke-19, 1806-1825, mempertahankan kedaulatan Perak sebagai sebuah kerajaan, tetapi sering diserang oleh Sultan Ibrahim dan mencadangkan bahawa lembangan Sungai Perak termasuk Pulau Pangkor hingga Sungai Bidor adalah milik kerajaan Selangor manakala kerajaan Perak pula, adalah selebihnya.²³ Walaupun Sultan Ibrahim mencadangkan sedemikian, namun Sultan Abdul Malik Mansur Shah tetap berpendirian untuk mempertahankan kedaulatan Perak sehingga Raja Hassan ditempatkan sebagai orang besar daerah di Dinding pada pertengahan 1810-an dan kemudian, berpindah ke Bidor pada 1819.²⁴ Selain itu, Kedah, melalui titah Raja Loetla, Raja Rattanakosin kedua, 1809-1824, menyerang dan menguasai Perak pada 1818, sekaligus dinaikkan pangkat sebagai *Chao Phraya*, mengakibatkan Chao Phraya Nakhon Noi, Raja Ligor, 1811-1838, cemburu dengan Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah, Sultan Kedah ke-22, 1803-1843.²⁵ Akibat cemburu yang tidak dapat dibendung, Chao Phraya Nakhon Noi menyerang dan menguasai Kedah pada 1821, dengan menempatkan puteranya, Poosing, bergelar Baginda Muda sebagai Phraya Kedah (1821-1838).²⁶ Dengan keberadaan tentera-tentera Kedah dan Ligor di Perak, Sultan Ibrahim menentang penjajah walaupun Sultan Abdul Malik Mansur Syah memutuskan berada di pihak kerajaan Rattanakosin agar Selangor tidak dapat mengancam entiti politik baginda. Selain itu, terdapat jawatan-jawatan orang besar daerah di Klang ditadbir oleh Sultan Ibrahim (1782-1804 dan 1805-1826) serta Raja Jaffar, putera Raja Haji (1804-1805); Lukut oleh Raja Muhammad sekitar (1810-an-1817); dan Bernam oleh Raja Muhammad (1817-1826).²⁷ Tujuan Sultan Ibrahim memperluaskan

-
- 20 CO 822/3/4/Inclosure 1 in No. 12, Second Continuation of Report on Proceedings of Government Relating to the Natives States in the Malatan Peninsula.
- 21 CO 822/3/4/Inclosure 1 in No. 12, Second Continuation of Report on Proceedings of Government Relating to the Natives States in the Malatan Peninsula.
- 22 Straits Settlement Factory Record (SSR) F. 4, Translation of a Statement Chief of Perak Country to the Chao Phya of Ligure, 6 June 1825 dan *Straits Times*, A Sultan's Jubilee, 10 September 1937, hlm. 10.
- 23 SSR B. 6, W. E. Phillips to the Honoble East India Company, 1 July 1819 dan SSR F. 4, Translation of a Statement Chief of Perak Country to the Chao Phya of Ligure, 6 June 1825.
- 24 SSR F. 4, Translation of a Statement Chief of Perak Country to the Chao Phya of Ligure, 6 June 1825, SSR F.4, Translation of a Letter from Sultan Ibrahim Shah, Rajah of Salangore, to the Honble Robert Fullerton, 30 August 1825, dan *Singapore Chronicle and Commercial Register*, Part 2nd, Anderson's Malayan Peninsula, 9 April 1836, hlm. 3.
- 25 The Burney Papers (TBP) Volume III Part I, Memoranda from the King of Quedah, the 16th March 1829.
- 26 TBP Volume II Part I. Agent to the Siamese States to W. S. Cracraft, 18 January 1825 dan TBP Volume III Part I, Translation of a Letter from the Choq Piya Ligure to the Honble R. Fullerton, Governor of Prince of Wales Island, Singapore, Without Date.
- 27 *Berita Harian*, Selangor Di-Abad yang ke-19, 24 Oktober 1967, hlm. 4 dan Ahmad Farhan bin Abdullah@Zakaria, "Perspektif Baharu Sejarah Lukut: Status Entiti Politik dan Orang Besar Daerah", *Purba*, Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia d/a Jabatan Muzium Malaysia, Bilangan 39, 2020, hlm. 62-63.

tanah jajahan di Selangor demi menguasai komoditi bijih timah yang terdapat di entiti-entiti politik tersebut, bertepatan dengan baginda yang sinonim sebagai “Pengusaha Bijih Timah Tersohor”. Dengan memonopoli kawasan perlombongan bijih timah, sesebuah kerajaan menjadi kuat, digeruni oleh kerajaan lain dan yang paling penting, memiliki kekayaan yang melebihi daripada kerajaan-kerajaan di sekitar Tanah Melayu. Impak ancaman tersebut ke atas Perak, British mengambil keputusan untuk campur tangan dengan membentuk Perjanjian Anderson 1825, Perjanjian Low 1826 dan Perjanjian Burney 1826.²⁸

Ketika pentadbiran Sultan Ibrahim pada 1782-1826, walaupun mengalami ancaman dari kerajaan Kedah, Ligor, Rattanakosin dan Perak, agar pentadbiran tidak menjadi “kucar kacir” dan dapat membangunkan kawasan-kawasan “kosong”, tidak lupa mengurniakan jawatan penghulu dalam daerah Klang kepada Teluk sebagai Penghulu Mukim Kapar; Dato’ Pinang Baik bergelar Dato’ Menteri sebagai Penghulu Mukim Batu; Dato’ Suleiman bergelar Dato’ Kaya sebagai Penghulu Mukim Gombak; manakala dalam daerah Selangor dan Langat pula, masing-masing ialah Jabong sebagai Penghulu Api-Api serta Sungai Buloh, Dato’ Saput sebagai Penghulu Mukim Ponggor (Rawang) dan tidak diketahui namanya sebagai Penghulu Mukim Tampoi.²⁹ Sultan Ibrahim dan para orang besar daerah perlu memperkukuhkan institusi penghulu di kawasan ditetapkan agar dapat menjalankan pentadbiran dengan seragam dan impaknya, dapat meningkatkan hasil ekonomi khususnya dari bidang perlombongan bijih timah sebagai komoditi utama dan pertanian seperti padi, pokok buah-buahan dan sayur-sayuran.

Orang Besar Daerah Ketika Pentadbiran Sultan Muhammad

Dengan kenaikan status Raja Muhammad dari Raja Muda Selangor (1817-1826) kepada Sultan Selangor ketiga bergelar Sultan Muhammad pada 1826, menyeragamkan pentadbiran daerah bukan menunjukkan baginda seorang sultan yang lemah dan tidak mempunyai kuasa ke atas tanah jajahannya agar menjadi kukuh, sebelum ini menghadapi pergolakan akibat perselisihan faham dengan kerajaan Perak, Kedah, Ligor dan Rattanakosin. Bagi menjayakan polisi tersebut, Sultan Muhammad mengurniakan daerah-daerah ditetapkan kepada adinda-adinda baginda iaitu Raja Usuh sebagai Orang Besar Daerah Bernam (1826-1850-an) merangkumi lembangan Sungai Bernam (termasuk bahagian Perak melalui Sungai Rungkup dan Sungai Slim); Raja Abas sebagai Orang Besar Daerah Selangor (1826-1840-an) merangkumi lembangan Sungai Selangor; Raja Haji, nama tubuh badan tidak diketahui, sebagai Orang Besar Daerah Klang (1826-1848) merangkumi Lembangan Sungai Klang dan Sungai Gombak; Raja Abdullah sebagai Orang Besar Daerah Langat (1826-1840-an) merangkumi lembangan Sungai Langat; dan Raja Hassan sebagai Orang Besar Daerah Lukut (1826-1834) merangkumi lembangan Sungai Lukut hingga Sungai Udang.³⁰ Selain tokoh-tokoh tersebut, Sultan Muhammad

28 CO 882/2/16/Inclosure 7 in No.83, Report by Mr. Braddell, the Attorney-General, of the Proceedings at Perak and Larut on the Occasion of the Visit of Sir A. Clarke, in January 1874 dan CO 882/2/16/Inclosure 1 in No 84, Old Treaties with Salangor, *Straits Times*, Treaties with Perak, 21 February 1874, hlm. 5 dan *Straits Times*, Salangor, 21 February 1874, hlm. 5.

29 Ahmad Farhan bin Abdullah@Zakaria, “Masyarakat Melayu di Selangor, 1766-1898: Pentadbiran, Ekonomi dan Sosial”, *Polimek Sejarah Malaysia Jilid 4*, hlm. 242, 244, 251 dan 254.

30 B/SUK SEL: SEC: 4779/1924/1, Raja Kahar bin Raja Salim kepada Tuan British Resident Selangor, 15 Disember 1924.

mengurniakan jawatan Orang Besar Daerah Selangor kepada Raja Abdul Samad (sebelum bergelar Sultan Abdul Samad) bagi menggantikan Raja Abas (1840-an-1850-an); Orang Besar Daerah Lukut kepada Raja Jaffar, putera Raja Ali (1834/1835-1846), dan Raja Jumaat, putera Raja Jaffar (1846-1864); Orang Besar Daerah Klang kepada Raja Suleiman, putera Sultan Muhammad (1848-1850) serta Raja Abdullah, putera Raja Jaffar (1850-1867); Orang Besar Daerah Langat kepada Raja Abdul Samad (1850-an-1857); dan Orang Besar Daerah Sepang kepada Raja Husain (1834/1835-1840/1850-an) dari kerajaan Johor.³¹

Ketika Sultan Muhammad menerajui takhta kerajaan Selangor pada 1826-1857, tidak dinafikan, komoditi bijih timah menjadi permintaan tertinggi dan baginda menggunakan peluang tersebut agar dapat membangunkan Selangor dari aspek pentadbiran, ekonomi, sosioekonomi dan sosial pada setiap masa. Bagi mencapai hal tersebut, Sultan Muhammad melantik tokoh-tokoh yang berpengalaman dan berpengetahuan tinggi dalam hal ehwal bijih timah, antaranya Raja Abdul Samad sebagai Orang Besar Daerah Selangor yang mengusahakan perlombongan di mukim Ranching (Rawang kini); Raja Abdullah sebagai Orang Besar Daerah Klang di mukim Damansara, Petaling, Hulu Klang dan Ampang; Raja Hassan sebagai Orang Besar Daerah Lukut di mukim Lukut; dan Raja Jumaat sebagai Orang Besar Daerah Lukut di mukim Lukut. Dengan terdapatnya tokoh-tokoh yang mahir berurusan dengan komoditi bijih timah pada masa sama menjadi antara yang terkaya, daerah-daerah yang terdapat di Selangor dapat dibangunkan dengan baik dan perkembangan ini merupakan hasrat utama Sultan Muhammad ketika menerajui takhta kerajaan Selangor. Melalui perkembangan tersebut, hasil 1/3 diserahkan kepada Sultan Muhammad selaku ketua negeri. Tidak dinafikan, Sultan Muhammad turut menyarankan dan menasihatkan penduduk di Selangor mengusahakan penanaman padi agar dapat digunakan untuk diri sendiri dan diperdagangkan antara Negeri-Negeri Melayu di Tanah Melayu.

Sultan Muhammad, tokoh yang membuat perubahan agar dapat memantapkan pentadbiran Selangor di samping membangunkan kawasan-kawasan yang masih belum diterokai, tidak ketinggalan mengurniakan jawatan penghulu dalam daerah Klang kepada Dato' Kerduk bergelar Dato' Naga sebagai Penghulu Mukim Hulu Klang; dan Dato' Yaseh bergelar Dato' Bandar sebagai Penghulu Mukim Kuala Lumpur.³² Di daerah Selangor pula, Dato' Tambah bergelar Dato' Penggawa Muda Mukim Jeram sebagai Penghulu Mukim Jeram.³³ Sementara itu, dalam daerah Langat, Dato' Haji Mohamed bergelar Dato' Kaya dan Panglima Raja sebagai Penghulu Mukim Bandar; Dato' Lili sebagai Penghulu Mukim Kajang; Raja Berayun sebagai Penghulu Mukim Reko; dan Dato' Lili sebagai Penghulu Mukim Cheras merangkap Penghulu Mukim Kajang.³⁴ Menerusi pengaplikasian penghulu di mukim ditetapkan, tokoh-tokoh penyandang jawatan ini perlu bekerjasama dan menjadi

31 CO 273/98, Memorandum Relative to the Seed of Gift Bestowing the District of Lukut on Raja Jumaat His Heir and Successor, Executed by the Late Sultan Mohamed of Selangor, 4 August 1846, *Straits Times*, Untitled, 13 July 1878, hlm. 2, CO 273/104/15925, F. A. Weld to the Earl of Kimberley, 9th September, 1880, *Straits Times*, The Late Sultan of Selangor, 8 February 1898, hlm. 2, B/SUK 2611/1901, Raja Haji Mahmud bin Raja Berkat kepada Residen Kaunsilor Melaka, 23 Julai 1889, B/SUK 2611/1901, Statement of Batin Pa Lanteh son of Pa Pera the Permatang Buah Dusun, 13 November 1899, dan *Straits Times*, The Sultan of Selangor's Birthday, 9 September 1934, hlm. 13

32 Ahmad Farhan bin Abdullah@Zakaria, "Masyarakat Melayu di Selangor, 1766-1898: Pentadbiran, Ekonomi dan Sosial", *Polimek Sejarah Malaysia Jilid 4*, hlm. 242.

33 Ibid., hlm. 251.

34 Ibid., hlm. 246 dan 249.

pembantu orang besar daerah masing-masing agar dapat membangunkan Selangor dari aspek pentadbiran, ekonomi, sosioekonomi dan sosial. Yang paling penting ketika pentadbiran Sultan Muhammad, khususnya dalam daerah Klang, Selangor dan Langat di sekitar lembangan hulu-hulu sungai, penghulu perlu mengusahakan bijih timah di samping membantu perusahaan milik orang besar daerah dan menyerahkan hasil sebanyak 1/3 kepada baginda sultan. Manakala mukim-mukim yang kurang mempunyai galian bijih timah, setiap penghulu menumpukan aktiviti penanaman padi, pokok buah-buahan dan sayur-sayuran, misalnya mukim-mukim di pesisir pantai seperti mukim Permatang.

Epilog, ketika Sultan Abdul Samad menerajui tampuk pimpinan kerajaan Selangor pada 1857, baginda meneruskan kesinambungan yang dilaksanakan oleh bapa mentuanya, Sultan Muhammad, menunjukkan bukan Sultan Selangor yang lemah, tetapi berpandangan jauh dan berwibawa. Namun jawatan orang besar daerah di Selangor dimansuhkan rentetan dijajah oleh British melalui penempatan residen pada 1 Oktober 1874 berkuat kuasa 20 Januari 1875. Walau bagaimanapun, institusi orang besar daerah berkembang baik dari 1857-1874, Sultan Abdul Samad mengurniakan jawatan Orang Besar Daerah Bernam kepada keturunan Raja Usah iaitu Raja Unos, putera Raja Usah, sebagai Orang Besar Daerah Bernam, 1857, dan Raja Hitam, putera Raja Unos, sebagai Orang Besar Daerah Bernam, 1857-1874. Orang Besar Daerah Selangor pula dikurniakan kepada Raja Musa, Raja Muda Selangor, 1875-1884, dan putera Sultan Abdul Samad, sebagai Orang Besar Daerah Selangor, 1850-an-1872, Raja Yaakob, putera Sultan Abdul Samad, sebagai Orang Besar Daerah Selangor, 1872-1874, dan Raja Haji Abdul Rahman, putera Raja Hassan sebagai Orang Besar Daerah Selangor Cawangan Lembangan Hulu Sungai Selangor, 1870-an-1874. Sementara itu, Orang Besar Daerah Klang kekal dikurniakan kepada Raja Abdullah, tetapi berjaya dirampas oleh Raja Mahadi, putera Raja Suleiman, melalui kemenangan dalam Perang Klang pada 1867, Sultan Abdul Samad mengiktirafkan beliau sebagai Orang Besar Daerah Klang baharu (1867-1870). Begitu juga dengan Tunku Dhiauddin bin Sultan Zainal Rashid merampas kedudukan tersebut daripada Raja Mahadi melalui kemenangan dalam Perang Klang pada 1870, diiktiraf oleh Sultan Abdul Samad sebagai Orang Besar Daerah Klang baharu (1870-1874). Dalam pada itu, Orang Besar Daerah Langat dikurniakan kepada Raja Musa sebagai Orang Besar Daerah Langat, 1850-an-1850-an, Raja Kahar, putera Sultan Abdul Samad, sebagai Orang Besar Daerah Langat Cawangan Lembangan Hulu Sungai Langat, 1850-an-1874, Raja Yaakob sebagai Orang Besar Daerah Langat Cawangan Lembangan Hilir Sungai Langat, 1850-an-1872, dan Tunku Dhiauddin sebagai Orang Besar Daerah Langat, 1868-1870. Sultan Abdul Samad turut tidak lupa mengurniakan jawatan Orang Besar Daerah Sepang kepada putera Raja Husain, Raja Berkat (1850-an-1874), sekaligus kawan baik dan ipar baginda serta penyandang jawatan Raja Bergelar Selangor, Tengku Panglima Besar Selangor. Begitu juga daerah Lukut, Sultan Abdul Samad mengekalkan Raja Jumaat sebagai Orang Besar Daerah Lukut. Kesan kematian Raja Jumaat, Sultan Abdul Samad mengurniakan kepada Raja Haji Bot, putera Raja Jumaat, sebagai Orang Besar Daerah Lukut, 1864-1874. Ekoran peningkatan populasi, ekonomi dan sosial di Selangor, Sultan Abdul Samad berkenan dan mengurniakan jawatan kepada Raja Husin, putera Raja Jaffar, dan adinda Raja Abdullah serta Raja Jumaat, sebagai Orang Besar Daerah Sungai Raya, 1859-1862. Raja Suleiman, putera Raja Husin, menggantikan ayahandanya sebagai Orang Besar Daerah Sungai Raya, 1862-1870. Raja Suleiman, tokoh pejuang Perang Klang tersohor, mangkat dibunuh dalam Perang Klang pada 1870, kedudukannya digantikan oleh adindanya, Raja Daud, sebagai Orang Besar

Daerah Sungai Raya, 1870-1874.³⁵ Tindakan Sultan Abdul Samad berbuat demikian, tidak lain tidak bukan, demi membangunkan Selangor dari aspek pentadbiran, ekonomi, sosial dan sosioekonomi. Penjajahan British ke atas Selangor pada 1874 pula, Sultan Abdul Samad memiliki hasrat agar entiti politik baginda menjadi negeri termoden di Tanah Melayu dan ia tercapai ketika pentadbiran Sultan Alae'eddin Sulaiman Shah, putera Raja Musa dan Sultan Selangor kelima, 1898-1938.

Kesimpulan

Berdasarkan permasalahan kajian, objektif kajian dan kajian lepas, kajian ini menunjukkan bahawa jawatan orang besar daerah telah dibentuk secara rasmi di Selangor era Sultan Salehuddin dan diteruskan ketika pentadbiran Sultan Ibrahim dan Sultan Muhammad. Kemudian, jawatan ini diaplikasikan ketika pentadbiran Sultan Abdul Samad sehingga dimansuhkan oleh British pada 1874. Dengan terdapatnya jawatan orang besar daerah ditetapkan, Selangor dapat dibangunkan dari aspek pentadbiran, ekonomi, sosial dan sosioekonomi pada setiap masa. Antara komoditi terpenting ketika pentadbiran Sultan Ibrahim dan Sultan Muhammad ialah bijih timah. Ketika Selangor diterajui oleh Sultan Muhammad pula, penanaman padi diberi perhatian termasuk pokok buah-buahan dan sayur-sayuran bagi bertujuan perdagangan atau sara diri. Impak mendominasi perdagangan bijih timah di Semenanjung Tanah Melayu, Sultan Ibrahim berusaha menjajah beberapa kawasan di negeri Perak dan Negeri Sembilan pada konteks ini. Namun ketika pentadbiran Sultan Muhammad, kerajaan Selangor kembali kepada sedia kala, seperti era Sultan Salehuddin. Implikasi kajian ini dapat memberikan fakta baharu bahawa jawatan orang besar daerah telah diaplikasikan di Selangor sejak diasaskan oleh Sultan Salehuddin. Melalui penambahan fakta ini, pengkaji pada masa hadapan sama ada akan atau tidak menyokong hasil dapatan dikemukakan dan menyediakan hasil kajian baharu berdasarkan sumber primer yang lebih relevan.

35 Temu Bual Raja Azlan, Keturunan Raja Daud bin Raja Husin, di Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur, pada 10 Julai 2013.